




# Syubhah Menghalang Rahmat dan Keberkatan

Mohamad Muhaimin Mohamad Zaki



**T**erdapat banyak aduan yang berkaitan dengan penipuan yang berlaku dalam urusan jual beli terutamanya urus niaga dalam talian. Berdasarkan laporan daripada Siber Sekuriti Malaysia (SSM), pada tahun 2019, sebanyak 7774 kes yang telah dilaporkan melibatkan penipuan urus niaga dalam talian sahaja. Peningkatan sebanyak 2651 kes telah dicatatkan berbanding dengan 5123 kes sahaja yang dilaporkan sepanjang tahun 2018.



Pastinya, kewujudan unsur syubhah dalam urusan niaga yang membawa kepada jenayah penipuan dalam urusan niaga dalam talian seperti ini jika tidak diatasi akan menyebabkan lebih ramai mangsa yang akan terpedaya. Islam menghalalkan perniagaan, tetapi sewaktu urusan jual beli dijalankan, kemungkinan terdapat perkara syubhah yang berlaku, iaitu perkara yang samar hukumnya antara yang halal atau haram, sebagai ujian bagi orang yang beriman.

Hal ini bersandarkan sebuah hadis daripada Nu'man bin Basyir r.a. yang mendengar Rasulullah SAW bersabda (sambil Nu'man memegang kedua-dua belah telinganya) yang bermaksud, "Sesungguhnya perkara halal itu jelas dan perkara haram itu pun jelas. Namun begitu, antara kedua-duanya terdapat perkara syubhah yang tidak diketahui oleh orang ramai. Oleh itu, sesiapa menjaga dirinya daripada perkara syubhah, maka dia telah bebas (daripada kecaman) untuk agamanya dan kehormatannya, sesiapa yang terjerumus ke dalam syubhah, bererti dia telah terjerumus ke dalam perkara yang haram." (Hadis riwayat al-Bukhari).

Secara umumnya, tidak semua perkara yang dinyatakan dalam al-Quran dan hadis, jelas dari segi hukum halal dan haramnya. Namun begitu, tidak bermakna apabila Allah SWT dan Rasul-Nya tidak menyatakan apa-apa secara nyata, sesuatu perkara itu dianggap halal atau haram. Syubhah boleh difahami sebagai suatu perkara atau keadaan yang tidak pasti akan hukumnya. Syubhah juga boleh ditakrifkan sebagai perasaan was-was terhadap sesuatu perkara. Walaupun syubhah suatu yang tidak jelas halal ataupun haram, tidak bermakna suatu perkara syubhah itu boleh dilakukan secara sesuka hati mengikut hawa nafsu semata-mata.

Dari sudut pandang yang lain, pengertian daripada hadis tersebut jelas menyatakan, syubhah bukanlah perkara yang boleh dipandang remeh dan dibuat sambil lewa. Rasulullah SAW menegaskan sesiapa yang menjauhi perkara syubhah, maka dia telah menyelamatkan agama dan akidahnya, serta memelihara kehormatannya. Namun begitu, bagi mereka yang mengamalkan amalan syubhah, bermakna mereka juga mengamalkan perkara yang haram dengan membelakangkan perintah Allah SWT.

Malah, mereka juga tidak berhati-hati dalam urusan tersebut terutamanya yang melibatkan urusan jual beli.

Terdapat pelbagai lafaz yang merujuk pengertian syubhah. Al-Ayni dalam kitabnya, *Muhammad Taqiyy al-Uthmani dalam Takmilah Fath al-Mulhim bi Syarh Sahih Muslim* menyenaraikan lima lafaz syubhah dalam riwayat yang berbeza, iaitu *mushtabihat*, *mutashabbihat*, *mushabbahat*, *mushabbihat* dan *mushbihat*. Dari sudut terminologi, Imam al-Nawawi menyatakan syubhah bermaksud sesuatu yang tidak jelas sama ada halal ataupun haram. Oleh itu, dalam sesuatu urusan niaga, kemungkinan wujud perkara syubhah yang melibatkan produk, kontrak perjanjian sewaktu jual beli, pelan pemasaran, pemberian insentif, barang dan perkhidmatan, dan perkara lain yang berkaitan dengannya.

### Jadilah pengguna yang bijak

Dalam urusan jual beli, setiap pengguna harus bijak membasmi unsur syubhah ketika melakukan urusan niaga, lebih-lebih lagi yang melibatkan perniagaan dalam talian. Akal yang diberikan oleh Allah SWT haruslah dimanfaatkan sebaik-baik mungkin sebelum tindakan memperoleh sesuatu barangan dilaksanakan. Jangan hanya melihat pada kecantikan gambar yang dipamerkan, testimoni yang ditunjukkan, dan harga murah yang ditawarkan berbanding dengan harga pasaran menyebabkan kita terpedaya dengan helah peniaga yang tidak bertanggungjawab dan memikirkan keuntungan semata-mata.

Antara langkah yang wajar dilakukan bagi mengelakkan daripada terlibat dalam perkara syubhah terutamanya bagi perniagaan dalam talian termasuklah mengetahui secara jelas elemen yang menjurus kepada unsur tersebut yang menimbulkan keraguan (*gharar*) dalam urusan niaga yang hendak dilakukan. Bagi mengelakkan keraguan tersebut, pengguna hendaklah menyelidiki terlebih dahulu sesuatu barangan yang ingin dibeli, bermula daripada pengeluaran, bahan yang digunakan, dan manfaat yang bakal diperoleh daripada barangan tersebut.

Selain itu, pengguna perlu memastikan bahawa setiap urusan niaga yang ditawarkan tidak mengandungi unsur penipuan, penindasan, manipulasi dan eksploitasi. Rasulullah SAW melarang keras




perbuatan menipu dan memperdayakan dalam jual beli. Dalam sebuah hadis daripada Abu Hurairah, beliau mengatakan bahawa “Rasulullah SAW telah berjalan melalui satu timbunan makanan, lalu Baginda memasukkan tangannya ke dalam timbunan tersebut, maka jari-jarinya tersentuh sesuatu yang basah, lalu Baginda bertanya kepada penjual makanan tersebut, ‘Apakah ini?’ Lalu penjual itu menjawab, ‘Makanan itu terkena air hujan,’ Rasulullah lantas berkata, ‘Tidak bolehkah kamu meletakkan yang basah itu di atas sehingga orang dapat melihatnya?’ Kemudian Baginda bersabda, ‘Sesiapa yang menipu, maka dia bukan daripada kalangan kami.’” (Hadis riwayat al-Tirmidzi).

Langkah berhati-hati ini boleh diperoleh dengan merujuk pautan yang berkaitan seperti laman sesawang bagi pengesahan halal dan persatuan pengguna, serta merujuk pihak yang berwajib, seperti Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Kementerian Kesihatan, Bank Negara Malaysia, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, SIRIM, dan sebagainya. Jangan sesekali terlibat dalam perniagaan yang mengandungi unsur paksaan. Dalam sebuah hadis, Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud, “Sesungguhnya jual beli itu berdasarkan konsep saling meredai (kerelaan kedua-dua pihak).” (Hadis riwayat Ibn Majah).

Sebagai pengguna yang bijak, pilihlah untuk mengurus niaga dengan laman sesawang yang mempunyai ciri keselamatan yang dipercayai. Hal ini penting kerana dengan melakukan sebarang transaksi jual beli, pastinya memberikan ruang pendedahan maklumat peribadi kepada pihak ketiga. Sekiranya data tersebut diperoleh oleh mereka yang tidak bertanggungjawab, maka sudah pasti akan berlaku manipulasi data yang membahayakan pengguna. Pastikan pengguna mendapat panduan daripada pihak institusi kewangan sebelum melakukan transaksi yang meragukan terutamanya laman niaga yang berpangkalan di luar negara.

Selain itu, pengguna seharusnya tidak terpengaruh dengan testimoni palsu oleh pihak peniaga. Misalnya, melakukan skim pelaburan dalam talian yang tidak jelas kaedahnya menurut hukum syarak. Apatah lagi pelaburan seperti ini lebih mirip atau menyerupai skim cepat kaya. Malah, skim seperti ini tidak mempunyai



akad perjanjian dan muamalat yang jelas mengikut kaedah yang digariskan oleh syarak. Lebih teruk lagi, kebanyakan mereka ditipu kerana terpedaya dengan gambar yang menarik perhatian seperti kereta mewah, rumah agam dan tawaran mengikuti pakej pelancongan mewah termasuk yang berkonsepkan ibadat seperti umrah dan haji.

Jika kita merenung sabda Rasulullah SAW, ditegaskan bahawa pada akhir zaman nanti terdapat ramai dalam kalangan peniaga yang sanggup bersumpah demi melariskan barangan jualan mereka. Baginda SAW bersabda yang bermaksud, “Sumpah itu melariskan barang dagangan, tetapi menghapuskan keberkatannya.” (Hadis riwayat al-Bukhari).

Pengguna yang bijak akan sentiasa berhati-hati dan berusaha mendapatkan maklumat yang jelas berkaitan dengan barangan yang bakal dibeli. Mereka berhak menolak urusan jual beli tersebut jika terdapat unsur yang meragukan. Hal ini selari dengan hadis



**“Peniaga yang jujur bukan sahaja akan memikat pelanggan dengan akhlak yang baik dan terpuji, malah perniagaan yang dilakukannya juga akan mendapat rahmat dan keberkatan.”**

daripada Hakim bin Hizam r.a. yang mendengar Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud, “Pembeli dan penjual mempunyai hak *khiyar* (pilihan untuk meneruskan akad ataupun tidak) selagi mereka belum berpisah. Sekiranya mereka berkata jujur dan menjelaskan (keadaan barang dan harganya) dalam jual beli, kedua-duanya akan diberkati. Akan tetapi, sekiranya mereka berdusta dan menyembunyikan (perkara yang sebenar), maka dihapuskan keberkatan jual beli mereka.” (Hadis riwayat al-Bukhari).

Memetik kata-kata Sayidina Ali Abu Talib r.a. yang pernah membandingkan antara ilmu dengan harta bahawa setiap harta perlu dijaga bermula daripada cara mendapatkannya hingga hal berbelanja, manakala ilmu pula berfungsi memelihara kita dengan segala manfaatnya. Oleh itu, pengguna yang bijak akan mengelakkan diri daripada terjerumus kepada unsur syubhah dalam urusan niaga mereka. Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud, “Barang siapa yang menjauhi syubhah, selamatlah agamanya dan

kehormatannya, dan barang siapa yang menyertai syubhah, dia seolah-olah terjerumus ke dalam sesuatu yang haram.” (Hadis riwayat Muslim).

Ingatan Rasulullah SAW dalam hadis ini secara tidak langsung meminta agar kita berwaspada dalam setiap tindakan dalam kehidupan seharian. Lebih-lebih lagi apabila melibatkan urusan sesama manusia termasuklah urusan niaga dalam talian dan urusan muamalat dengan golongan bukan Islam kerana mereka tidak mengetahui apa-apa soal halal dan haram yang telah ditetapkan oleh Allah SWT. Harta kekayaan yang diamanahkan merupakan ujian kepada manusia dan akan disoal di akhirat kelak dari mana sumbernya dan ke mana dibelanjakan.

#### **Rahmat Allah bagi peniaga yang jujur**

Peniaga yang jujur bukan sahaja akan memikat pelanggan dengan akhlak yang baik dan terpuji, malah perniagaan yang dilakukannya juga akan mendapat rahmat dan keberkatan. Dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh al-Tirmidzi bahawa pada suatu hari Rasulullah SAW melihat orang sedang berjual beli. Lalu, Baginda bersabda yang bermaksud, “Wahai para pedagang ...’ Mereka menyambut seruan Rasulullah SAW dan mengangkat pandangan mereka kepada Baginda, lalu Baginda meneruskan sabdanya, ‘Sesungguhnya para pedagang akan dibangkitkan pada hari kiamat sebagai orang yang berdosa kecuali yang bertakwa kepada Allah, berbuat baik serta jujur.’”

Hadis ini menerangkan kepada kita bahawa cabaran yang dihadapi oleh para peniaga ialah sikap tidak jujur dalam urusan niaga dan memikirkan keuntungan semata-mata. Namun begitu, bagi mereka yang jujur dan berusaha mengelakkan unsur syubhah dan penipuan dalam jual beli pastinya ganjaran syurga menanti di akhirat kelak.

Seharusnya, apabila kita meragui akan sesuatu perkara, maka hendaklah kita menjauhkan diri daripada melakukan perkara tersebut kerana dikhuatiri akan terjerumus dalam perkara yang haram. Jika kita berhati-hati dan mengambil berat akan urusan agama, sama ada dari segi akidah, syariah ataupun akhlak, sudah pasti kita dapat menjauhkan diri daripada terjebak dengan perkara yang diragui atau syubhah sekali gus menjauhkan diri kita daripada kemurkaan Allah SWT termasuklah dalam urusan jual beli. **DTI**